

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 OKTOBER 2023

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

Subsidi mencecah RM81 bilion



Kuala Lumpur

Subsidi dan bantuan kerajaan kepada rakyat dijangka mencecah RM81 bilion dalam Belanjawan 2024.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, peningkatan itu langkah kerajaan mengekalkan harga barangan bersubsidi untuk rakyat dalam berdepan kenaikan luar jangka harga komoditi dunia.

"Sekalipun barangan bersubsidi membantu rakyat dalam meminimumkan kos sara hidup, tetapi hakikatnya subsidi lebih memanfaatkan golongan kaya dan harga yang murah pula meningkatkan ketirisan dan penyeludupan ke luar negara. Malah, subsidi turut dihirup oleh lebih 3.5 juta orang asing.

"Maka mulai tahun depan, kerajaan mengambil pendekatan subsidi bersasar yang akan dilaksanakan secara berfasa.


"Hasil penjimatan subsidi itu akan meningkatkan peruntukan bantuan tunai melalui Sumbangan Tunai Rahmah daripada RM8 bilion kepada RM10 bilion," katanya membentangkan Belanjawan 2024 di Dewan Rakyat, semalam.

Bagi memastikan ketenteraman bekalan ayam dan telur, Anwar juga Menteri Kewangan berkata, kawalan harga sementara ditetapkan akan dilepaskan supaya pasaran tempatan boleh berfungsi semula dengan bebas.

Beliau berkata, peng-

SUBSIDI MENCECAH RM81 BILION

Langkah kerajaan kekal harga barangan bantu rakyat berdepan kenaikan luar jangka



BANTUAN tunai melalui Sumbangan Tunai Rahmah meningkat daripada RM8 bilion kepada RM10 bilion.

muman terkait langkah konkrit lanjutan akan diumumkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam tempoh terdekat.

Katanya, ketika ini bekalan ayam dan telur di pasaran mula stabil dan harga semasa berada di bawah harga siling kawalan.

Dalam pada itu, Anwar berkata, kerajaan bersetuju meneruskan pemberian rebat bil elektrik sehingga RM40 sebulan kepada isi rumah miskin tegar dengan peruntukan RM55 juta dan pengecualian bayaran deposit akaun bil elektrik

atas nama sendiri.

"Pada 2022, 10 peratus pelanggan teratas yang gunakan kemudahan elektrik sebenarnya menikmati 50 peratus subsidi. Ini tidak munasabah subsidi untuk orang susah dan rendah tapi 50 peratus pelanggan terendah hanya menikmati 10 peratus subsidi.

"Ini tekad kerajaan menghentikan subsidi kepada golongan kaya. Menurut kajian Kementerian Sumber Asli, pendekatan bersasar ini menjimatkan lebih RM4.6 bilion," katanya.

Katanya, pendekatan subsidi bersasar itu mem-

beri isyarat jelas kepada pengguna mempraktikkan kecekapan tenaga dan amalan berjimat dalam penggunaan elektrik sehari-hari termasuk di pejabat kerajaan seluruh negara.

Bagi menangani isu ketirisan subsidi diesel, kata Anwar, kerajaan berhasrat merasionalisasikan subsidi diesel secara berfasa.

Kata beliau, harga diesel bersubsidi akan terus dinikmati oleh pengguna terpilih seperti syarikat pengangkutan barangan manakala pengguna lain akan dikenakan harga yang lebih tinggi dan dengan pendekatan itu akan mengurangkan ketirisan subsidi serta impak kepada harga barangan untuk rakyat.

"Bagi menjayakan penyasaran semula subsidi, penguatkuasaan harus lebih berkesan terhadap pembeli dan penjual. Hak peniaga mengaut keuntungan yang munasabah tidak dipertikai, tetapi gejala kartel dan pakat harga yang menyebabkan kenaikan harga berlebihan serta tidak terkawal bertentangan dengan prinsip Madani.

Penyasaran subsidi ja-

BELANJAWAN 2024 SUBSIDI

Ayam dan Telur

- Kawalan harga sementara supaya pasaran tempatan boleh berfungsi semula dengan bebas
- Langkah konkrit lanjutan akan diumumkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Elektrik

- Subsidi bersasar yang memberi manfaat kepada 90 peratus pengguna
- Pemberian rebat bil elektrik sehingga RM40 sebulan kepada isi rumah miskin tegar dengan peruntukan RM55 juta
- Pengecualian bayaran deposit akaun bil elektrik atas nama sendiri

Bahan Api Diesel

- Subsidi berfasa yang akan dinikmati pengguna terpilih seperti syarikat pengangkutan barangan
- Pengguna lain akan dikenakan harga lebih tinggi

ngan dijadikan alasan menaikkan harga dengan semberono kerana kerajaan menghapuskan amalan parasit melalui kawalan ketat dan menyeluruh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di samping memperkukuh kapasiti Suruhanjaya Pesaingan Malaysia (MyCC) dengan peruntukan RM10 juta.